



JULANG KEMERDEKAAN: Kongres Melayu pertama diadakan di Kelab Sultan Sulaiman adalah detik bersejarah menyatupadukan orang Melayu dan kelahiran Umno.

Onn Jaafar cetus semangat juang Umno tolak pelan khianat MacMichael menerusi Malayan Union

Oleh Mohd Zin Ali

GAGASAN Malayan Union yang cuba menghapuskan kedaulatan raja dan menjadikan taraf Tanah Melayu daripada negeri bawah naungan kepada tanah jajahan takluk British menggunakan taktik licik dan kotor membawa kepada penentangan orang Melayu.

Sebaik saja Warta Kerajaan British menyiarkan butiran Kertas Putih penubuhan Malayan Union di Tanah Melayu dibentangkan di Parlimen British pada 22 Januari 1946, seluruh masyarakat Melayu terkejut dan berpendapat ia mencabar maruah.

Orang Melayu berpendapat perjanjian dibuat Sir Harold MacMichael secara sembunyi dan terburu-buru, termasuk mengabaikan ugutan adalah satu perbuatan khianat dan pecah amanah Kerajaan British sebagai penang Tanah Melayu untuk merampas kuasa raja-raja.

Berikutan itu, seluruh bangsa Melayu gempar dan bangun menentang dengan penuh semangat kebangsaan. Sepanjang Januari dan Februari 1946, pelbagai tunjuk perasaan dan perhimpunan diadakan di merata ceruk rantau Tanah Melayu mengutuk tindakan MacMichael dan menentang Malayan Union.

Masa dan keadaan yang mendesak itu mendorong kemundulan seorang pahlawan dan kebangsaan Melayu, Datuk Onn Jaafar untuk tampil menentang seruan supaya diadakan satu perjumpaan Melayu seluruh Tanah Melayu atau Kongres.

Onn ketika itu Pegawai Daerah Batu Pahat yang juga Yang Dipertua Pertubuhan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor iaitu pertubuhan diwujudkan selepas perang dengan 11,000 ahli.

Kemunculan Onn umpama pucuk dicita ulam mendatang. Orang Melayu ketika itu seperti anak ayam kehilangan ibu kerana tiada pemimpin Melayu berani tampil mengadakan perjumpaan agung dalam keadaan panas dan mencemaskan terutama ketika pemerintahan Pentadbiran Tentera British (BMA).

Bagaimanapun, sebelum itu di Kuala Lumpur, Zainal Abidin Ahmad yang juga dikenali sebagai Za'ba iaitu Yang Dipertua Persatuan Melayu Selangor sudah sibuk berhubung dengan Onn, Datuk Panglima Bukit Gantang, Perak dan pemimpin negeri lain berhubung rancangan mengadakan kongres itu.

Onn ke Kuala Lumpur berunding dengan Za'ba serta menghantar sepucuk kawat kepada Tunku Abdul Rahman di Kedah untuk menyatakan perkara dibincang dan dipersetujunya dengan Za'ba.

Selain itu, Onn mencadangkan supaya perjumpaan agung diadakan di Melaka sempena sejarah keagungan negeri Hang Tuah dan cita-citanya supaya sebuah Kerajaan Melayu berdaulat dan merdeka dibina semula

atas runtuhnya Empayar Melayu Melaka.

Beliau turut mencadangkan supaya pertubuhan Melayu yang besar akan ditubuhkan pada kongres itu dinamakan Pertubuhan Melayu Bersatu atau United Malay Organisation (UMO).

Persatuan Melayu Selangor yang berjaya mengumpul wang \$15,000 dengan bantuan raja Melayu, bersedia menjadi tuan rumah pertama kongres.

Sebuah jawatankuasa sambutan dibentuk dengan Za'ba menjadi pengerusi; Pengarang akhbar *Majlis*, Yunus Hamidi sebagai setiausaha serta Kamarudin Idris sebagai bendahari.

Kongres diadakan di bangunan Kelab Sultan Sulaiman di Kampung Baru, Kuala Lumpur dari 1 hingga 4 Mac 1946. Walaupun diperintah BMA, ia tidak menggerunkan pemimpin dan orang Melayu untuk mengambil bahagian dalam perhimpunan.

Sebanyak 41 pertubuhan, persatuan, kesatuan dan badan masyarakat pelbagai golongan masyarakat seperti ahli politik, pakar ekonomi, ahli perniagaan, penghulu termasuk wanita dan Orang Asli turut menghantar wakil dan pemerhati.

Seramai 107 wakil dan 56 pemerhati rasmi setiap negeri dan jajahan di Tanah Melayu termasuk Singapura hadir dengan kuasa penuh selain beribu-ribu orang Melayu berkumpul di padang kelab untuk mendengar wakil membincangkan isu Malayan Union.

Pada hari pertama kongres, Sultan Selangor, Sultan Hisamuddin Alam Shah mengisytiharkan pembekuan Kongres dengan rasminya dan turut mengingatkan perhimpunan supaya pertubuhan besar yang akan ditubuhkan kelak tidak melupakan perkara agama sebagai sebahagian tanggungjawab pertubuhan.

Onn dipilih menjadi Pengerusi Persidangan Kongres sepucuk surat kemudian menyampaikan ucapan pertama dengan seruan bangsa Melayu bergabung dalam persatuan menjadi intipati amanatnya.

Sepanjang kongres itu, ahli pasukan tentera British lengkap bersenjata bersedia untuk mengambil tindakan pada bila-bila masa. Bagaimanapun, ia tidak menakutkan orang ramai untuk menyampaikan ucapan dengan lantang dan berani-berani untuk mengutuk dan membidas Malayan Union.

Cadangan asal Onn menamakan pertubuhan besar sebagai Pertubuhan Melayu Bersatu atau UMO turut dikemukakan. Bagaimanapun, Za'ba mencadangkan supaya menambah perkataan 'National' atau Kebangsaan supaya menjadi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu iaitu United Malay National Organisation (Umno), yang akhirnya mendapat persetujuan ramai.

Umno di dalam Semenanjung Tanah Melayu dan berlawanan dengan semangat dan kehendak Piagam Atlantik.

Cadangan Kerajaan Baginda King seperti dicadangkan dalam Kertas Putih dikeluarkan pada Januari 1946 yang antara lain mencadangkan menjalankan kuasa penuh dalam negeri Melayu yang tidak diredai rakyat adalah berlawanan dengan kaedah demokrasi dan ia tidak dapat diterima sekali.

Cadangan Kerajaan Baginda King hendak melaksanakan kuasa penuh dalam negeri Melayu itu dan meniadakan kuasa sultan bermakna merampas sama sekali negeri Me-



Datuk Abd Rahman Mohd Yassin

Sebuah jawatankuasa ditubuhkan bagi menggubal Perlembagaan Umno terdiri daripada Onn sebagai Pengerusi, Datuk Panglima Bukit Gantang dan Datuk Nik Ahmad Kamil.

Kongres juga membuat ketetapan menolak perjanjian MacMichael dan mendesak Kerajaan British supaya menarik balik rancangan Malayan Union.

Pada hari keempat, selepas selesai perbincangan dan perbincangan tiga hari itu, satu perhimpunan orang Melayu diadakan di Dewan Bandaran Kuala Lumpur pada sebelah petangnya.

Selepas beberapa ucapan bersemangat, keputusan kongres diisytiharkan kepada orang ramai dan disambut tepuk bergemuruh sebagai tanda puas hati umum yang hadir.

Keputusan kongres yang turut meminta supaya Tanah Melayu dikembalikan tarafnya kepada keadaan asal kemudian dikirfikan melalui sepucuk kawat kepada Perdana Menteri British, tetapi Kerajaan British di London pada masa sama merancang meneruskan rancangan buruknya, mewujudkan Malayan Union.

Tanpa menghiraukan keadaan di Tanah Melayu, Kerajaan British mengisytiharkan tarikh berkuatkuasanya perjanjian Malayan Union

pada 1 April 1946 dengan Sir Edward Gent dilantik sebagai Gabenor bagi Kerajaan Malayan Union.

Sebaik pengisytiharan Kerajaan British itu tersiar, orang Melayu sekali lagi gempar. Nik Ahmad di Kelantan berhubung dengan Onn meminta supaya satu Kongres Tergempar diadakan untuk membincangkan langkah tindak balas kepada cabaran Kerajaan British itu.

Onn tanpa berlembang memanggil satu Kongres Tergempar, terdiri daripada ketua setiap negeri dengan menetapkan 30 dan 31 Mac 1946 sebagai tarikh persidangan, di Kuala Lumpur.

Dalam persidangan Kongres Tergempar itu, antara wakil yang hadir ialah Onn, Syed Alwi Al-Hadi, Datuk Hamzah Abdullah, Za'ba, Datuk Panglima Bukit Gantang, Tunku Abdul Rahman, Saleh Othman, Nik Ahmad, Ibrahim Mahmood, Yob Muhiuddin, Abdul Rahim Ibrahim dan Ibrahim Karim.

Antara keputusan persidangan hari pertama Kongres Tergempar di pejabat akhbar *Majlis* ialah meminta orang Melayu berkabung dengan melilit kain putih di songkok selama seminggu dari 1 hingga 7 April 1946 sebagai tanda bantahan dan dukacita dengan kedatangan Malayan Union

serta memohon sultan Melayu tidak campur tangan dalam istiadat menyambut Gabenor Malayan Union.

Persidangan hari kedua Kongres Tergempar itu diadakan di rumah Persekutuan Penang Peranakan, Batu Road (sekarang Jalan Tunku Abdul Rahman) dengan Onn menjelaskan sultan Melayu memberikan jawapan tidak akan campur tangan dengan hal kedatangan Gabenor serta kawat meminta orang Melayu berkabung sudah dihantar kepada persatuan seluruh negeri.

Pada 31 Mac 1946, Kerajaan British menamatkan BMA di Semenanjung Tanah Melayu dan pada 1 April 1946, Malayan Union wujud secara rasminya dengan Sir Edward Gent mengangkat sumpah untuk menjadi Gabenor.

Pada 15 April 1946, Sultan Perak, Selangor, Pahang, Kedah, Yang Dipertua Besar Negeri Sembilan dan Raja Perlis berkumpul dan bermesyuarat di Istana Sultan Perak, Kuala Kangsar untuk berunding berkenaan penubuhan Malayan Union dan kedudukan baginda sekalian.

Satu ketetapan diambil Raja Melayu dengan sebulat suara untuk tetap membantah penubuhan Malayan Union dan bantahan itu disampaikan kepada Kerajaan British di England. Jika perlu, Raja-raja Melayu akan berangkat ke England untuk mengemukakan bantahan itu.

Untuk memperkemas dan memperhebatkan perjuangan yang semakin mencabar, Onn memanggil Kongres Melayu kedua, di Istana Besar Johor pada 11 dan 12 Mei 1946.

Sebanyak 29 pertubuhan menghantar wakil atau mewakili pertubuhan lain. Persidangan kali ini membahaskan perlembagaan pertubuhan yang sudah dipersetujui iaitu Umno dari 1 hingga 4 April 1946 dan selepas beberapa pindaan, ia dilulus dan disahkan. Dengan ini, Kongres Melayu dimansuhkan dan Umno diwujudkan dengan rasminya pada 11 Mei 1946 di Istana Besar Johor Bahru.

Selepas berehat, wakil persidangan dalam Kongres Kedua itu berunding semula dalam persidangan yang disifatkan sebagai Majlis Mesyuarat Agung Umno dengan Datuk Panglima Bukit Gantang dilantik sebagai pengerusi sementara.

Persidangan itu turut menjalankan pemilihan Yang Dipertua Umno dan Onn dilantik memegang jawatan itu selepas mendapat persetujuan sebulat suara.

Pada persidangan Majlis Mesyuarat Agung Umno pada 11 dan 12 Mei 1946, beberapa perkara berhubung peraturan pentadbiran dan lain-lain dibahas dan diluluskan.

Antara perkara itu memilih seorang Setiausaha Agung, menentukan pejabat permulaan, menentukan bendera, tiga wakil Umno dicadangkan iaitu Onn, Datuk Panglima Bukit Gantang dan Tunku Abdul Rahman.

FAKTA

PERTUBUHAN, wakil serta pemerhati rasmi setiap negeri hadir pada Kongres Melayu Pertama:

JOHOR

- Pergerakan Melayu Semenanjung Johor, Johor Bahru dan Persatuan Melayu Segamat. Datuk Onn Jaafar (Ketua), Syed Isa Alwi Shahab, Syed Abdul Kadir Mohamad, Syed Alwi Sheikh Al-Hadi, Mohammad Manaf dan Wan Ibrahim Hitam.
- Persekutuan Melayu Kluang. Manaf Buयोग, Kapten Ahmad Mohammad Don, Abdul Rahman Jaafar, Ismail Hassan, Saadon Zubir dan Alwi Jamal.
- Kesatuan Melayu Johor. Muar. Dr. Hamzah Taib dan Mohammad Hassan.

KEDAH

- Kesatuan Melayu Kedah. Husain Che Dol (Ketua), Ayob Abdullah, Abdul Hamid Abdullah, Seno Abdul Rahman dan Omar Din.
- Seberkas. Mohammad Jamnil Binjal (Ketua), Mas'ud Thaha dan Azhari Taib.

KELANTAN

- Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan. Fadhulllah Suhaimi (Ketua), Mohammad Yusof dan Ishak Lutfi Omar.
- Persatuan Melayu Kelantan. Datuk Nik Ahmad Kamil Mahmud (Ketua), Ahmad Masis Ismail dan Ismail Ibrahim.

MELAKA

- Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka. Mohammad Ali Mohammad.
- Kesatuan Melayu Melaka. Mohammad Mohd Saleh (Ketua), Mohd Yusuff Harun, Talib Abdul Karim dan Jaafar Alang.

NEGERI SEMBILAN

- Persekutuan Melayu Negeri Sembilan. Tengku Mohammad Tengku Besar Burhanuddin, Tengku Hussain Tengku Yahya, Raja Mohd Noordin Raja Deli, Sheikh Ahmad Sheikh Mustafa, Pua Othman dan Mohd Idris Mohd Sil.

PAHANG

- Persatuan Melayu Pahang. Mohd Yasin Mohd Saleh (Ketua), Sharif Daud, Abdul Rahman Talib, Mokhtar Daud, Jaafar Mohd Noor dan Yahya Mat Shah.
- Wataniah. Nordin Ibrahim.
- Persekutuan Guru-guru Melayu Pahang. Abdul Razak Hussain.

PULAU PINANG

- Kesatuan Melayu Pulau Pinang. Ibrahim Mahmod (Ketua) dan Abdul Majid Abdul Hamid.
- Persatuan Melayu Pulau Pinang. A M Yusoff Izuddin, Taha Ali dan Mohammad Zaini Ahmad.
- Persatuan Melayu Seberang Prai. Hashim Awang (Ketua), Ahmad Abdul Malik, Zakaria Saleh dan Mohd Sopiee Sheikh Ibrahim.

PERAK

- Perikatan Melayu Perak. Abdul Wahab (Datuk Panglima Bukit Gantang-Ketua), Raja Kamaruzaman Raja Mansor (Raja Kecil Tengah), Zainol Abidin Abas, Ismail Hamzah (Mufti Perak), Raja Shahad Shah Raja Harun dan Sulaiman Darus.

- Persatuan Melayu Perak. Mohd Tahir Setia Raja (Ketua) dan Sheikh Hamzah Mu'ti.

- Persetiaan Muslim Teluk Anson. Bahrom Muhalidin (Ketua) dan Mohd Shahabuddin Mohd Yusof.

- Persatuan Melayu Chendering. Raja Lop Shahrudin dan Othman Mahmuddin.
- Persekutuan Muhibbah Malim Nawar. Ahmad Abdullah.

PERLIS

- Persatuan Melayu Perlis. Wan Ahmad Wan Daud dan Saleh Othman.

TERENGGANU

- Persatuan Melayu Terengganu. Datuk Nara dan Ibrahim Mohammad.

SETANAH MELAYU

- Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Dr Burhanuddin (Ketua), Zulkifli Auni, Hashim Tahir, M Maza, Haludin Hamzah dan Ahmad Boestamam.

SELANGOR

- Persatuan Melayu Selangor. Zainal Abidin Ahmad (Ketua), Mohd Yunus Hamidi dan Kamaruddin Idris.

- Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor. Datuk Hamzah Abdullah (Ketua), Kamaruddin Sulaiman, Mohd Arus Othman dan Mohd Sidin.
- Ikatan Setia Kampung. Abdul Hamid Hassan.
- Kelab Peranakan Penang.
- Dewan Perniagaan Melayu Malaya.
- Persatuan Penghulu-penghulu Selangor.
- Persekutuan Guru-guru Selangor.
- Kelab Darul Ihsan, Jeram.
- Persatuan Kaum Ibu Selangor.
- Persekutuan Baweang Selangor. Mohd Said Abdul Rahman dan Ahmad Mohammad Hassan.
- Persekutuan Melayu Ulu Selangor. Yahya Mohd Sani dan Shahrudin Abdul Rahman.
- Persatuan Melayu Daerah Sabak Bernam.
- Kaum Darat (Sakai) Selangor.
- Persatuan Melayu Jawatan Rendah Selangor.
- Kesatuan Melayu Singapura.

Kongres bantah hasrat British rampas kuasa

SELEPAS mendengar hujah wakil 42 persatuan di Semenanjung Tanah Melayu dalam Kongres Melayu Pertama, berikut keputusan Persidangan Agung berkenaan:

- Surat perjanjian yang ditandatangani Sultan Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis yang berterti memberi kuasa penuh kepada King Great Britain dengan menghapuskan kuasa sultan itu dalam negeri mereka masing-masing daripada suatu keadaan raja yang merdeka adalah dibuat tanpa mengikut undang-undang tubuh adat lembaga dan ke-

biasaan Melayu yang sah. Justeru, ia batal dan tidak wajib ditaati sultan dan rakyat mereka.

● Surat perjanjian yang dibuat tanpa pengetahuan dan berlawanan dengan kemahuan rakyat serta cadangan Kerajaan Baginda King hendak menjalankan kuasa penuh dalam negeri Melayu yang tidak diredai rakyat adalah berlawanan dengan kaedah demokrasi dan ia tidak dapat diterima sekali.

● Cadangan Kerajaan Baginda King hendak melaksanakan kuasa penuh dalam negeri Melayu itu dan meniadakan kuasa sultan bermakna merampas sama sekali negeri Me-

laku di dalam Semenanjung Tanah Melayu dan berlawanan dengan semangat dan kehendak Piagam Atlantik.

● Cadangan Kerajaan Baginda King seperti dicadangkan dalam Kertas Putih dikeluarkan pada Januari 1946 yang antara lain mencadangkan menjalankan kuasa penuh dalam negeri Melayu yang tidak diredai rakyat adalah berlawanan dengan kaedah demokrasi dan ia tidak dapat diterima sekali.

● Cadangan Kerajaan Baginda King hendak melaksanakan kuasa penuh dalam negeri Melayu itu dan meniadakan kuasa sultan bermakna merampas sama sekali negeri Me-

laku di dalam Semenanjung Tanah Melayu dan berlawanan dengan semangat dan kehendak Piagam Atlantik.

● Cadangan Kerajaan Baginda King seperti dicadangkan dalam Kertas Putih dikeluarkan pada Januari 1946 yang antara lain mencadangkan menjalankan kuasa penuh dalam negeri Melayu yang tidak diredai rakyat adalah berlawanan dengan kaedah demokrasi dan ia tidak dapat diterima sekali.

● Cadangan Kerajaan Baginda King hendak melaksanakan kuasa penuh dalam negeri Melayu itu dan meniadakan kuasa sultan bermakna merampas sama sekali negeri Me-

laku di dalam Semenanjung Tanah Melayu dan berlawanan dengan semangat dan kehendak Piagam Atlantik.

● Cadangan Kerajaan Baginda King seperti dicadangkan dalam Kertas Putih dikeluarkan pada Januari 1946 yang antara lain mencadangkan menjalankan kuasa penuh dalam negeri Melayu yang tidak diredai rakyat adalah berlawanan dengan kaedah demokrasi dan ia tidak dapat diterima sekali.

● Cadangan Kerajaan Baginda King hendak melaksanakan kuasa penuh dalam negeri Melayu itu dan meniadakan kuasa sultan bermakna merampas sama sekali negeri Me-